



MAJLIS IBADAH KORBAN 1438H / 2017M

Segamat: UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah menganjurkan Majlis Ibadah Korban pada 4 September 2017 bersamaan 13 Zulhijjah 1438H (Isnin) bertempat di Masjid As-Syakirin secara gotong-royong. Sebanyak 6 ekor lembu disembelih bagi tujuan Ibadah Korban dan 3 ekor kambing pula bagi tujuan Aqiqah. Majlis dihadiri oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah, Rektor UiTM CJ bersama barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM CJ yang turut serta melaksanakan Ibadah Korban pada kali ini. Sehubungan itu, selaku penganjur majlis Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI), ACIS merakamkan ucapan terima kasih kepada warga UiTM CJ dan pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam mengendalikan majlis ini. Semoga semangat gotong-royong seperti ini dapat mengeratkan silaturrahim sesama warga.



KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SESI SEPTEMBER 2017 – JANUARI 2018

Segamat: Pada 4 September yang lalu, UiTM Cawangan Johor telah menerima kehadiran pelajar-pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda dan Pra-diploma di Kampus Segamat. Seramai 324 orang pelajar ISM dan 139 pelajar Pra-diploma telah hadir mendaftar pada hari tersebut. Mereka kemudiannya perlu mengikuti Program Minggu Destini Siswa (MDS). Pelbagai pengisian program yang terkini dan bermanfaat telah disusun rapi sepanjang MDS berlangsung. Majlis perasmian dan Amanat Rektor telah diadakan pada 7 September di Dewan Sri Temenggong. Tahniah dan syabas diucapkan di atas kejayaan mereka ditawarkan menyambung pengajian di UiTM.



CIMB TRADING ROOM SEBAGAI TARIKAN DESTINASI LAWATAN AKADEMIK DI KAMPUS SEGAMAT

Segamat: UiTM CJ Kampus Segamat sering menerima kunjungan pihak luar untuk program lawatan akademik atau lawatan kampus. Dengan adanya CIMB Trading Room (pusat simulasi saham) telah menjadikan UiTM CJ Kampus Segamat sebagai destinasi pilihan pelbagai pihak untuk mengadakan lawatan akademik. Pada 6 September yang lalu seramai 30 pelajar yang terdiri daripada pelajar SMK Seri Intan dan SMK Taman Kluang Barat bersama 10 orang pengiring yang terdiri daripada guru dan kakitangan Pejabat Penerangan Daerah Kluang telah mengadakan lawatan minda ke Kampus Segamat. Ia merupakan salah satu aktiviti Kelab 1 Malaysia Daerah Kluang. Selain itu, pada 14 September pula seramai 29 pelajar Kolej Vokasional Perdagangan Johor Bahru bersama 4. guru pengiring juga telah mengadakan lawatan ke Kampus Segamat.



Dalam setiap program lawatan, pengunjung dibawa melawat Galeri Korporat, diberikan penerangan mengenai kursus-kursus yang ditawarkan di UiTM, sesi bersama mahasiswa serta dibawa melawat kemudahan kampus termasuklah Perpustakaan Tun Dr. Ismail dan CIMB Trading Room. Para pelajar dari Kelab 1 Malaysia Daerah Kluang dan Kolej Vokasional Perdagangan Johor Bahru itu merasa amat teruja dengan kelengkapan dan kemudahan yang terdapat di dalam trading room. Mereka diberikan taklimat ringkas oleh penyarah Jabatan Kewangan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dan sedikit sesi hands-on menggunakan platform i-trade @ CIMB turut diadakan di akhir sesi bagi memupuk minat dalam bidang pelaburan saham kepada mereka.

PEGAWAI DAN ANGGOTA PB UiTM CJ ANGKAT SUMPAH JAWATAN

Segamat: Seramai 2 orang pegawai dan 30 anggota Polis Bantuan UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah mengangkat sumpah jawatan pada Majlis Angkat Sumpah Jawatan dan Penyerahan Sijil Pelantikan Anggota Polis Bantuan UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat yang diadakan pada 25 September lalu di hadapan Superintenden Polis Mohd Hedzir Bin Hussin, Pegawai Turus Koordinasi Sumber Sokongan, Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Kontinjen Johor. Turut hadir di majlis tersebut ialah Rektor UiTM Cawangan Johor, Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah, Timbalan-timbalan Rektor, Superintenden Polis Raub Bin Selamat, Ketua Polis Daerah Segamat serta beberapa pegawai kanan PDRM. Pegawai dan anggota yang terlibat telah dilantik sebagai Polis Bantuan dan telahpun berjaya menghadiri Kursus Asas Polis Bantuan di Pusat-Pusat Latihan Polis secara berperingkat. Rektor UiTM CJ dalam ucapannya berharap semua pegawai dan anggota Polis Bantuan UiTM Cawangan Johor dapat meningkatkan lagi mutu penugasan dan kawalan keselamatan seiring dengan kehendak dan matlamat UiTM dan PDRM.



32 PASUKAN SERTA DEBAT PIALA JOHOR 2017

Segamat: Kelab Debat dan Pidato UiTM CJ dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan International Debate Johor Cup 2017. Pertandingan yang berlangsung selama 4 hari itu telah disertai oleh 32 pasukan yang terdiri daripada universiti awam dan swasta di seluruh Malaysia dan juga 1 pasukan daripada Indonesia Banking School, Jakarta. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Norshida Ibrahim (ADUN Buloh Kasap). Berikut adalah senarai pasukan yang berjaya:

Kategori Bahasa Malaysia
Johan : UiTM Shah Alam (A)
Naib Johan : Universiti Teknologi Petronas

Kategori Bahasa Inggeris
Johan : MMU
Naib Johan : USIM (B)



REKTOR UiTM CJ SAMPAIKAN UCAPTAMA DI SEMINAR PENDIDIKAN JOHOR 2017

Batu Pahat: UTHM telah menganjurkan Seminar Pendidikan Johor 2017 yang bertemakan 'Johor Berkemahiran, Johor Berkemajuan ke Arah Transformasi Negara 2015' pada 12 dan 13 September 2017. Sehubungan itu, Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah, Rektor UiTM Cawangan Johor telah diundang untuk menyampaikan ucap tama yang bertemakan 'Peranan Institusi Pendidikan dalam Melestarikan Swadaya Insan'. Dalam ucap tama beliau, Prof. Madya Dr. Azizan berkongsi pengalaman dan peranan UiTM CJ dalam mengalakkan dan membudayakan nilai keusahawanan, membuka peluang pembelajaran keusahawanan yang lebih meluas kepada pelajar serta membantu pelajar menghasilkan dan mengembangkan perniagaan sehingga mampu menjadi usahawan dan berupaya menjadi "job creator" seperti yang diaspirasi dalam Transformasi Nasional 50 (TN50).



PROGRAM "SCIENCE TO ACTION" CUNGKIL BAKAT INOVASI PELAJAR SEKOLAH

Segamat: Sebagai sokongan berterusan terhadap usaha kerajaan untuk menarik minat lebih ramai pelajar menjurus ke arah bidang sains dan teknologi, Universiti Teknologi MARA melalui Jawatankuasa Science to Action (S2A), UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah menganjurkan pertandingan "Science To Action: Innovation & Invention Competition 2017" pada 30 September yang lalu. Sebanyak lima buah sekolah menengah dalam Daerah Segamat iaitu; SMK Palong Timur, SMK Gemereh, SMK Seri Kenangan, SMK LKTP Pemanis, dan SMK Dato' Ahmad Arshad telah dipilih untuk menyertai pertandingan ini. Setiap sekolah menghantar dua kumpulan projek untuk dipertandingkan. Acara perasmian akan disempurnakan oleh YBhg. Profesor Madya Dr. Azizan bin Abdullah selaku Rektor UiTM CJ. Turut hadir adalah para pengetua sekolah-sekolah yang terpilih dan Pegawai Pendidikan Daerah Segamat.



UiTM CJ ANJUR KARNIVAL ALAM MELAYU

Segamat: Buat julung kalinya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM CJ telah menganjurkan Karnival Alam Melayu (KALAM) pada 28– 30 September 2017 bertempat di Kampus Segamat. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang karnival berlangsung antaranya seperti Larian Pahlawan, Pameran Keris, Bengkel Tanjak, Pertandingan memanah, forum dan demonstrasi silat antarbangsa. KALAM telah dirasmikan oleh YB Datuk Ayub bin Rahmat, Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan, Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor pada 29 September dalam Majlis Makan Malam Pahlawan yang diadakan di Dewan Sri Temenggong.



UiTM CJ RANGKUL NAIB JOHAN KIK ZON SELATAN

Kuala Pilah: Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Zon Selatan 2017 telah berlangsung pada 20 September 2017 di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. UiTM Cawangan Johor telah menghantar empat (4) penyertaan iaitu kumpulan Idealistik, Info 10, Technolicious dan RPM. Berikut adalah pencapaian UiTM Cawangan Johor :

Anugerah	Pemenang
Naib Johan	IDEALISTIK
Anugerah Penjimatan Kos Sebenar	INFO 10
Kumpulan Inovatif & Kreatif Terbaik	TECHNOLICIOUS
Anugerah Pembentang Lelaki Terbaik	AHMAD FUZI MD AJIS (INFO 10)
Anugerah Khas Juri Kumpulan Baharu Berpotensi	RPM

